KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

BAHASA MELAYU

SEKOLAH KEBANGSAAN


TAHUN 3 JILID 2

PENULIS
Hasdi bin Daud
Mazura binti Sulaiman
Anisah Azian binti Mohamad Yusub

EDITOR
Zaidah binti Ahmad Rosly
Muhammad Hisyam bin Haliah

PEREKA BENTUK
Siti Norihan binti Noh
Norbaizura binti Mohd Hatta
Nurul Ain binti Ibrahim

ILUSTRATOR
Asparizal bin Mohamed Sudin
Nozaiman bin Noor Rosni
Nor Azlin bin Ngah
Ahmad Zabidi bin Othman





DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0002
KK 499-221-0102011-49-2027-20101
ISBN 978-983-49-2027-2

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Penerbitan Sri Kenanga Sdn. Bhd.,
19-1A, Jalan SBC 2, Taman Sri Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 16 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.,
No. 12 & 14, Jalan 12/118B,
Desa Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Suruhanjaya Tenaga Malaysia
- Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Muzium Seni Asia, Universiti Malaya
- Syarikat Ipah Jaya Enterprise
- Pihak-pihak yang memberikan maklumat, pendapat dan cadangan dalam usaha untuk menerbitkan buku teks ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN		**iv**
TEMA 5	**KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**	**1**
Unit 13	Kekalkan Warisan Kita	2
Unit 14	Kenali Kesenian Kita	7
Unit 15	Indahnya Seni dan Budaya Kita	13
TEMA 6	**KELESTARIAN ALAM**	**21**
Unit 16	Pengurusan Sisa Pepejal	22
Unit 17	Sumbangan Kita	27
Unit 18	Tahukah Kamu?	33
TEMA 7	**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**	**43**
Unit 19	Pertanian Sumber Pendapatan	44
Unit 20	Inovasi dalam Penternakan	51
Unit 21	Bumi Bertuah	57
TEMA 8	**EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN KEWANGAN**	**65**
Unit 22	Bijak Ekonomi	66
Unit 23	Budaya Usahawan	71
Unit 24	Bijak Mengurus Kewangan	77

PENDAHULUAN

Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 3 Sekolah Kebangsaan (SK)* kegunaan mulai tahun 2019 berdasarkan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017).

Pakej buku teks ini mengandungi dua komponen, iaitu Buku Teks (BT) dan Buku Aktiviti (BA). BT dan BA masing-masing mempunyai dua jilid, iaitu Jilid 1 dan Jilid 2. Kandungan buku ini ditulis berpandukan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Kandungan buku ini dirangka dan disusun dengan telitinya untuk memudahkan murid menguasai SP. Selain memberikan fokus kepada kemahiran berbahasa, aktiviti yang disediakan turut menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pembelajaran Abad ke-21 dan Kemahiran Menaakul agar murid dapat dilatih berfikiran kritis dan kreatif. Penekanan kepada elemen KBAT diutamakan untuk melahirkan murid yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni ketika membuat penaakulan dan refleksi.

PENERANGAN IKON BUKU AKTIVITI



Nota Guru

– panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran



– menyatakan standard pembelajaran dan halaman buku teks bagi halaman yang berkenaan

Kesimpulannya, Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 3 Sekolah Kebangsaan* (SK) ini dibina selaras dengan DSKP Bahasa Melayu yang merupakan penyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid. Hasilnya, murid-murid tahun tiga sekolah kebangsaan bukan sahaja dapat berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan, malah berupaya untuk meneroka pelbagai cabang ilmu dan kemahiran, khususnya kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan nilai murni.

TEMA 5

KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA



Aktiviti

Bersoal jawab tentang maklumat dalam peta bulatan.


UNIT 13

Kekalkan Warisan Kita

Mendengar dan Bertutur

Keluarga Diraja

Hanif dan Jeeva perlu menyiapkan projek tentang keluarga diraja. Mereka telah mendapatkan maklumat daripada sebuah kamus bergambar.





Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan bertumpu.

Nota Guru 1.1.3 (i)

- Bimbing murid mentafsir bahan.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi


KP – Interpersonal

Membaca

Indahnya Pantun


Hanif dan Nabila menjadi pengacara untuk Pertandingan Berbalas Pantun Peringkat SK Gemilang. Yang berikut ialah pengenalan tentang pantun sebagai pembuka majlis.

Mengail puyu di hujung desa,
Dalam terusan nampak berbayang;
Pantun Melayu kesenian bangsa,
Pusaka warisan nenek dan moyang.



Pantun merupakan budaya peninggalan nenek moyang.

Manisnya rasa tidak terkira,
Buah papaya di Kampung Berangan;
Indah bahasa pantun berbicara,
Seni budaya dibuang jangan.



Bahasa pantun indah dan bersantun.

Cantik seninya ukiran kayu,
Sukar dicari begitu rupa;
Tinggi nilainya pantun Melayu,
Jati diri janganlah lupa.

Dalam taman berbunga tanjung,
Bersopan santun dipetik si dara;
Meski berzaman tetap disanjung,
Jagalah pantun tradisi dipelihara.

Aktiviti

Mengenal pasti dan menyatakan maksud pantun.

Nota Guru 2.3.1 (iv)

- Bimbing murid memahami pantun.

KB – Mensintesis
EMK: Patriotisme

KP – Verbal linguistik

Menulis

Teratak Warisan

Hanif mengikut ayahnya ke bengkel Pak Karim, seorang pengukir kayu. Ayah Hanif hendak menempah ukiran kayu tebuk timbul untuk alamat rumah mereka. Pak Karim menunjukkan beberapa contoh ukiran kayu tebuk timbul yang pernah dihasilkannya.



Hanif telah menulis alamat rumah mereka dalam bentuk tulisan berangkai. Dia memberikannya kepada Pak Karim untuk diukir.


Teratak Warisan,
303, Jalan Perdana,
75450 Ayer Keroh,
Melaka Bandar Raya Bersejarah.

Aktiviti

Menulis frasa dengan menggunakan tulisan berangkai.

Kata Ganda Penuh

Bermain Galah Panjang



Semasa di kampung, Hanif berpeluang untuk bermain galah panjang. Setelah pulang ke Melaka, Hanif menerangkan cara bermain galah panjang kepada kawan-kawannya.

Kata dasar	Kata ganda penuh
kawan	kawan-kawan

Kawan-kawan, permainan galah panjang ialah sejenis permainan yang melintasi garisan-garisan terhalang. Galah panjang dimainkan oleh dua pasukan, iaitu pasukan penyerang dan pasukan pertahanan. Pasukan itu mempunyai sepuluh orang pemain. Pemain akan dibahagikan kepada dua kumpulan tersebut.

Ketua-ketua pasukan mengawasi setiap pemain. _____ pasukan pertahanan menjaga garisan melintang di dalam gelanggang. _____ hendaklah melepasi _____ hingga garisan belakang sekali dan kembali semula ke garisan permulaan untuk memungut mata kemenangan.

Pasukan penyerang akan dikira kalah jika seorang daripada penyerang mereka dicuit oleh pemain pasukan pertahanan.

(Sumber: Diubah suai daripada *Siri Panduan Permainan Tradisional Kanak-kanak* (2015))



Info Bahasa

Kata ganda penuh terbentuk daripada kata dasar yang diulang keseluruhannya dan diletakkan tanda sempang (-).

Contoh: buku → buku-buku
guru → guru-guru

Kata ganda penuh membawa maksud jamak (banyak).

Contoh: kawan → tunggal
kawan-kawan → jamak

Aktiviti

Menggunakan kata ganda penuh untuk melengkapkan teks.

Nota Guru 5.2.3 (i)

- Bimbing murid memahami kata ganda penuh mengikut konteks.

KB – Menyesuaikan
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
Konstruktivisme – Menghubung kait

UNIT 14

Kenali Kesenian Kita

Mendengar dan Bertutur

Tarian Ceracap Inai



- Tarian Melayu tradisional yang terkenal, terutamanya di Johor.
- Berasal daripada tarian istana.
- Dipersembahkan dengan hiasan seperti bunga-bungaan emas pada piring dan bercahayakan api lilin.
- Asalnya ditarikan oleh penari wanita dalam bilangan ganjil. Boleh juga ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan wanita. Biasanya, bilangan penari terdiri daripada lima hingga lapan orang.



(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN))

IMBAS SAYA



Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bercapah.

Nota Guru 1.1.3 (ii)

- Bimbing murid mendengar dan membuat tafsiran terhadap soalan.

KB – Menaakul
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Membaca



Baju Kurung untuk Nabila

Ibu Nabila baru pulang dari Kuantan, Pahang. Ibunya telah membelikan sepasang baju kurung Pahang berwarna biru untuk Nabila. Nabila membelek-belek label pada baju kurung tersebut. Nabila mencari maklumat tentang maksud simbol pada label tersebut.

Suhu



Angka 40 darjah Celsius menunjukkan suhu air yang disarankan. Jika terdapat gambar tangan, pakaian tersebut hanya boleh dicuci dengan tangan.

Pengeringan



Tanda silang pada simbol ini pula bermaksud pakaian tersebut tidak boleh dikeringkan dengan mesin.

Seterika



Simbol seterika dengan satu titik bermakna pakaian mesti diseterika dengan suhu rendah.

Peluntur



Tanda silang pada simbol segi tiga bermaksud jangan campurkan peluntur pada cucian.

Pemerahan



Tanda silang pada simbol ini bermaksud pakaian tersebut tidak boleh diperah.



Aktiviti

Membaca label dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru 2.3.2 (i)

- Bimbing murid membaca label.

KB – Mensintesis
EMK: Nilai Murni – Menghargai

BCB – Bacaan mekanis

BA2: q

Menulis

Gambus dan Kompang



Hanif dan Nabila sedang membaca maklumat tentang dua jenis alat muzik tradisional, iaitu gambus dan kompang.

Gambus ialah sejenis alat muzik tradisional bertali di Malaysia. Gambus berbentuk seperti buah pear yang dibelah dua. Gambus tergolong dalam alat muzik jenis "petik" yang dikatakan berasal dari Timur Tengah. Gambus terdapat dalam pelbagai jenis, iaitu gambus tiga tali sehinggalah gambus yang mempunyai 12 tali. Gambus dimainkan untuk mengiringi persembahan ghazal, zapin, inang dan joget.

IMBAS SAYA

Kompang ialah alat muzik tradisional. Alat muzik ini populer dalam kalangan masyarakat Melayu. Kompang tergulung dalam kumpulan alat muzik gendang. Kulet kompang biasanya diperbuat daripada kulit kambeng.

Kompang biasanya berukuran 16 inci ukur lilit, Kompang ditutup dengan kepingan kulit pada sebelah permukaan. kompang dimainkan dengan memegangnya menggunakan sebelah tangan. Kemudian dipalu dengan sebelah tangan yang lain!

Cara mengmalu kompang adalah dengan mengtepuk kulit kompang dengan bahagian jari-jari atau tapak tangan menikut rentak. Kompang biasanya dimainkan dalam pelbagai acara seperti perarakan kenduri, majlis rasmi dan upacara-upacara tradisi lain. Kita haruslah mempelajari alat muzik ini agar tradisinya menjaga.

(Sumber: Diubah suai daripada www.jkkn.gov.my)

Aktiviti

IMBAS SAYA

Mengedit kesalahan ejaan, tanda baca dan imbuhan.

Seni Bahasa

Syair Warisan Seni

Dari dahulu sehingga kini,
Tua dan muda sana dan sini,
Kekal martabat warisan seni,
Jadi sanjungan hati nurani.

Maksud:
Warisan seni zaman-berzaman perlu dimartabatkan dan disanjung.

Seni tarian ibarat permata,
Lenggok bersopan dipandang mata,
Gerak dan geri indah sekata,
Zapin dan inang pusaka kita.

Maksud:
Seni tarian indah gerakannya.

Nyanyian ghazal warisan asli,
Diiring gambus tali-temali,
Yang mendengar ceria kembali,
Sebarang kerja mudah sekali.

Maksud:

Busana Melayu amat bermakna,
Apabila digaya indah suasana,
Kurung kebaya pelbagai warna,
Jadi pujian di mana-mana.

Maksud:

Aktiviti

Melagukan syair dan menyatakan maksud.

IMBAS SAYA

Nota Guru 4.2.3 (i)

- Bimbing murid memahami maksud syair.

KB : Mengitlak
EMK: Nilai Murni – Menghargai

KP – Verbal linguistik

Kata Ganda Separa

Bermain Lelayang

Saiful mengajak Hanif membuat lelayang. Mereka telah menyediakan bahan-bahan untuk membuat lelayang, iaitu dua batang buluh yang diraut sebagai tetulang, benang, gam dan kertas.

Pada petangnya, mereka ke padang permainan untuk bermain lelayang yang telah dihasilkan. Lelayang buatan mereka naik ke langit setinggi-tinggi**nya**. Lelayang tersebut cantik ketika terbang di langit yang berwarna kebiru-biru**an**. Rakan-rakan mereka berlari-lari**an** mengejar lelayang sambil bersorak-sorak**an** gembira. Pengalaman menghasilkan sendiri lelayang menjadi kenang-kenang**an** yang indah kepada Hanif dan Saiful.

Hanif sangat pandai mengawal (layang) _____ di langit dengan menarik (benang) _____ yang diikat pada (gelung) _____.

Info Bahasa

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian sahaja kata dasar. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.
Kata ganda separa tunggal: bola - bebola
Kata ganda separa berimbuhan awalan: setinggi-tinggi
Kata ganda separa berimbuhan akhiran: sayur-sayuran
Kata ganda separa berimbuhan apitan: bersalam-salaman



Aktiviti

Menggunakan kata ganda separa.

Nota Guru 5.2.3 (ii)

- Bimbing murid memahami penggunaan kata ganda separa mengikut konteks.

KB – Mencirikan
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Kata Ganda Berentak

Enaknya Juadah Tradisional



Nabila: Wah, banyaknya juadah dijual di pasar tani ini!
Ibu: Ya, Nabila. Ibu hendak membeli kuih-muih dan lauk-pauk tradisional.
Nabila: Saya hendak pengat pisang dan rendang tok.
Ibu: Boleh, Nabila. Pilihlah makanan yang Nabila suka.Usah tergopoh-gapah.
Nabila: Baiklah. Terima kasih, ibu.
Ibu: Walaupun pengunjung mundar-mandir dan suasana riuh-rendah, namun orang ramai tetap datang ke pasar tani ini.
Nabila: Hal ini mungkin disebabkan di sini terdapat banyak juadah tradisional.
Ibu: Ya, Nabila. Juadah tradisional ini telah menjadi warisan turun-temurun.



rendang tok

kuih-muih lauk-pauk	Kata ganda yang mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi-bunyi vokal.
gopoh-gapah mundar-mandir	Kata ganda yang mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi-bunyi konsonan.
riuh-rendah turun-temurun	Kata ganda yang tidak mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi vokal dan konsonan.



pengat pisang

Info Bahasa

Kata ganda berentak ialah kata yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu. Seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah.

Kata ganda berentak dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kata ganda berentak pengulangan vokal, kata ganda berentak pengulangan konsonan dan kata ganda berentak bebas.

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata ganda berentak.

Nota Guru 5.2.3 (iii)

- Bimbing murid mengenal pasti kata ganda berentak mengikut konteks.

KB – Mencirikan
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

UNIT 15

Indahnya Seni dan Budaya Kita

Mendengar dan Bertutur

Buah Tangan dari Bumi Kenyalang

Dayang Fatimah telah menghadiahkan selampai manik kepada Nabila. Nabila ingin mengetahui lebih lanjut tentang selampai manik tersebut daripada Dayang Fatimah.

motif pada selampai manik berkaitan dengan unsur alam yang dekat dengan masyarakat etnik Sarawak

dihasilkan oleh etnik Sarawak



memerlukan dua hingga tiga bulan untuk disiapkan

motif flora seperti pucuk paku, pucuk rebung dan bunga-bungaan

proses mengikat manik pada selampai adalah rumit

motif fauna seperti buaya, ular, katak, burung, rusa dan serangga

(Sumber: kraftangansarawakkian.blogspot.com)



Info

Motif ialah sesuatu yang dijadikan corak.

Aktiviti

Menjelaskan bahan secara bertatasusila.

Nota Guru 1.2.1


- Bimbing murid menilai bahan mengikut konteks.

KB – Mensintesis
Konstruktivisme – Menilai dan menaksir
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Membaca

Pemerah Santan Tradisional

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Gemilang telah mengadakan pameran barang antik di dewan sekolah. Antara artifak yang menarik perhatian Hanif termasuklah kayu pemerah santan tradisional. Hanif mencatat nota manual penggunaan alat tersebut. Kemudian, dia menceritakannya kepada rakan-rakan.



Cara Penggunaan:

1. Masukkan kelapa parut ke dalam karung kain.
2. Masukkan karung kain itu pada bahagian tengah pemerah.
3. Pastikan kuantiti kelapa parut sesuai dengan ruangan pada pemerah.
4. Tekan bahagian atas kayu pemerah.
5. Santan akan keluar pada alur pemerah.

(Sumber: Muzium Seni Asia)



Aktiviti

Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru 2.3.2 (ii)

- Bimbing murid membaca manual.

KB – Membuat gambaran mental
EMK: Nilai Murni – Menghargai

KP – Verbal linguistik

Menulis



Kesenian Masyarakat Orang Asli

Etnik Mah Meri terkenal dengan seni ukiran kayu dan lipatan daun. Warisan seni ini diwarisi daripada nenek moyang sejak lepas lagi.

Seni ukiran kayu biasanya dijadikan barang hiasan dan jualan. Setiap ukiran itu mengambil jam yang lama untuk disiapkan demi kualitinya. Oleh itu, hasil seni ukirannya sangat kecil. Pemilihan kayunya juga dilakukan secara kemas. Biasanya, ranting kayu jenis Nyirih Batu dipakai supaya hasil ukirannya kukuh.

Di samping itu, seni lipatan daun juga ialah hasil kepelikan etnik Mah Meri. Mereka menghasilkan barang cantik diri seperti rantai, sanggul, gelang dan anting-anting daripada pucuk nipah, pandan dan daun kelapa.

Produk mereka telah mendapat penghargaan daripada beberapa pihak. Kesenian ini haruslah diwarisi dan dibela oleh generasi muda Mah Meri.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor)

Penggunaan kata yang tidak tepat		Penggunaan kata yang tepat	
1. lepas	6. _____	1. dahulu	6. _____
2. jam	7. _____	2. masa	7. _____
3. _____	8. _____	3. _____	8. _____
4. _____	9. _____	4. _____	9. _____
5. _____	10. _____	5. _____	10. _____

Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata.

Ayat Seruan

Naik Beca

Nabila dan ibunya telah membawa Dayang Fatimah yang baru berpindah ke Melaka menyaksikan keunikan beca di Bandar Hilir.



Menunjukkan perasaan kagum

Wah, cantiknya beca-beca di sini!

Oh, patutlah ramai pelancong tidak melepaskan peluang menaiki beca jika ke Bandar Hilir!

Eh, murahnya tambang untuk menaiki beca!

Syabas, _____! Kalau ada peluang, saya ingin mengayuh beca ini sendiri.


Menunjukkan perasaan terkejut

Itulah uniknya beca di sini. Hiasan pada beca-beca ini mempunyai elemen seni yang tersendiri.

Mari kita naik beca dari Menara Taming Sari ke Kota A Famosa. Bayarannya cuma RM20.00.

Beca-beca ini perlu dikekalkan sebagai warisan seni negara kita.

Amboi, _____!



Info Bahasa

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan intonasi seruan untuk tujuan melahirkan perasaan. Intonasi seruan ini digambarkan dalam tulisan dengan tanda seru (!) yang terletak di akhir ayat.

Contoh:

- Eh, murahnya rantai leher ini!
  ➔menunjukkan perasaan hairan
- Syabas, kamu berjaya!
  ➔menunjukkan perasaan gembira, pujian dan ucapan tahniah
- Amboi, cantik kamu hari ini!
  ➔menunjukkan perasaan hairan atau kagum

Aktiviti

Membina ayat seruan menggunakan kata seru.

Nota Guru 5.3.1 (i)

- Minta murid memahami ayat seruan.
- Minta murid membina ayat seruan.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Menghargai

Konstruktivisme – Menghubung kait

Ayat Perintah

Kampung Budaya Mari Mari

Hanif dan Nabila telah mewakili sekolah dalam lawatan ke Sabah. Pada hari kedua lawatan, mereka ke Kampung Budaya Mari Mari di Inanam, Sabah.

Minta perhatian semua. Di sini, kita akan melihat kehidupan dan budaya lima etnik utama di Sabah, iaitu Kadazandusun, Rungus, Lundayeh, Bajau dan Murut.

Baiklah, murid-murid. Sila beratur sebelum masuk ke dalam. Tunjukkanlah kelakuan yang baik sepanjang lawatan ini. Usah sentuh barangan yang dipamerkan.



Hanif, apakah lagi peraturan lain semasa berada di sini?

Baiklah. Nanti, saya beritahu kawan-kawan tentang peraturan tersebut.

Jangan ____. Buanglah sampah di tempat yang disediakan. Tolong ____.

Jemput ____.

Baiklah. Mari kita masuk ke dalam rumah itu.



Info Bahasa

Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Terdapat empat jenis ayat perintah.

1. **Ayat suruhan** bertujuan untuk **memberikan arahan**.
2. **Ayat larangan** ialah ayat dengan kata larangan **jangan** dan **usah** yang bertujuan untuk **menegah seseorang melakukan sesuatu**.
3. **Ayat silaan** ialah ayat dengan kata silaan seperti **sila** dan **jemput** yang bertujuan untuk **mempersilakan seseorang**.
4. **Ayat permintaan** ialah ayat dengan kata permintaan seperti **minta** dan **tolong** yang bertujuan untuk **memohon pertolongan atau membuat permintaan**.

Aktiviti

Membina ayat perintah.

Nota Guru 5.3.1 (ii)

- Bimbing murid memahami ayat perintah dalam dialog.
- Bimbing murid membina ayat perintah.

KB – Membuat inferens
EMK: Nilai Murni – Menghargai
Konstruktivisme – Menghubung kait

Ayat Tanya dengan Kata Tanya



Tan Sri S.M. Salim

S.M. Salim, atau nama sebenarnya Sheikh Salim Sheikh Muhammad Al-Mahros, memulakan kerjaya seninya sebagai penyanyi pada tahun 1950-an. Allahyarham ialah penyanyi lagu-lagu Melayu tradisional.

Hanif: Siapakah penyanyi lagu tradisional yang datuk minati?
ayat tanya dengan kata tanya "siapa"

Datuk: Datuk meminati Allahyarham Tan Sri S.M. Salim.

Hanif: Apakah lagu-lagu beliau yang masih malar segar?
ayat tanya dengan kata tanya "apa"

Datuk: Beliau popular dengan lagu-lagu asli seperti zapin, ghazal dan joget. Contohnya lagu *Pantun Budi*, *Tak Seindah Wajah* dan *Pandang-pandang Jeling-jeling*.

Hanif: Mengapakah datuk meminati Allahyarham Tan Sri S.M. Salim?

Datuk: Suara beliau begitu merdu dan unik. Lagu-lagu nyanyian beliau pula kaya dengan nilai murni dan budaya yang tinggi.

Hanif: _____?

Datuk: Beliau dilahirkan pada 30 Julai 1928.

Hanif: _____?

Datuk: Beliau dilahirkan di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Hanif: _____?

Datuk: Beliau meninggal dunia pada 29 Disember 2016.

Info

Malar segar
Terus-menerus terkenal sepanjang zaman.

Info Bahasa

Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat yang menggunakan kata tanya
Contoh: **Apakah** barang itu?
Bilakah hari lahir kamu?

Aktiviti

Membina ayat tanya dengan kata tanya.

Pemulihan

Senaraikan ejaan yang salah. Kemudian, betulkannya.

Adat Berinai



Istiadat berinai adalah antara tradisi dalam perkhawinan Melayu. Masharakat dahulu menggunakan inai pada kuku tangan dan kaki sabagai perhiasan.

Biasanya, adat ini dilakukan untuk pengantin perempuan sahaja. Kemerahan inai ialah tanda bahawa seseorang itu baru sahaja melangsongkan perkahwinan.

Biasanya, inai akan dipakai sehari atau dua hari sebelum akat nikah atau majelis bersandeng. Inai boleh bertahan lama sehingga tiga minggu bergantong pada cara penjagaan inai berkenaan.

Pada zaman dahulu, adat berinai terbahagi kepada dua, iaitu adat berinai kechil dan berinai besar. Adat berinai kecil biasanya diadakan pada waktu petang sebelom hari perkahwinan. Hanya anggota keluarga terdekat yang hader. Adat berinai besar pula pada waktu malam sebelum hari perkahwinan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada www.jkkn.gov.my)

Pengayaan

Bina kerangka karangan. Kemudian, tulis karangan.

Tangga Batu Rumah Tradisional Melaka

Pendahuluan

Keunikan rumah tradisional Melaka terletak pada reka bentuk tangga batunya. Ciri ini menjadikan rumah warisan Melaka ini istimewa berbanding dengan rumah tradisional di negeri-negeri lain.



Penutup

Keunikan tangga batu pada rumah tradisional Melaka merupakan warisan seni bina yang tinggi nilainya. Generasi muda perlu mempertahankan warisan seni ini agar terus kekal.

TEMA 6

KELESTARIAN ALAM



Aktiviti

Membuat sumbang saran berdasarkan gambar.

UNIT 16

Pengurusan Sisa Pepejal

Mendengar dan Bertutur

Mari Kitar Semula

Nabila ingin membantu ibunya membuang sampah. Tumpuannya pada cara yang paling sesuai untuk mengitar semula.



Pengasingan Sisa Pepejal di Punca

- Asingkan sisa.
- Sisa yang boleh dikitar semula dikumpulkan, dimasukkan ke dalam plastik dan diletakkan di tepi tong sampah pada hari kutipan.

Pengasingan Sisa Pepejal di Tong Kitar Semula

- Asingkan sisa.
- Sisa yang boleh dikitar semula dikumpulkan, dimasukkan ke dalam plastik dan dihantar ke lokasi yang terdapat tong kitar semula.

(Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara)

Aktiviti

Menjelaskan dan membanding beza maklumat yang tersurat secara kritis dan kreatif.

Nota Guru 1.2.2

- Bimbing murid meneliti gambar untuk mencari maklumat.

KB – Mensintesis
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Rasional

Membaca

Tangan Kreatif



Setelah Nabila dan Fatin masuk ke dalam rumah, tiba-tiba...



Aktiviti

Melakonkan cerita dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru 2.3.2 (iii)

- Bimbing murid melakonkan cerita dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KB – Menghubung kait
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Rasional

Menulis

Jadual Kutipan Sisa

Nabila dan keluarganya membaca surat khabar. Menurut laporan akhbar, pihak berkuasa telah melantik kontraktor pembersihan untuk memungut sisa pukal.

BERITA SEMASA

JOHOR BAHRU, 18 Julai – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengeluarkan jadual kutipan sisa. Sisa dikutip akan makanan dua kali seminggu. Sisa dikutip sekali yang boleh dikitar pula semula seminggu.



Pihak PBT berharap agar penduduk mematuhi jadual baharu itu. Penggunaan jadual itu akan semua pihak memudahkan. Pihak PBT juga akan mengedarkan risalah dan tatacara pengasingan sisa. Panduan buku juga akan ke setiap rumah diedarkan.

Pada hari kutipan, pengguna hanya perlu meletakkan sisa buangan di tepi tong sampah. Langkah ini memastikan untuk sisa buangan ke dalam longkang tidak akan terjatuh. Jumlah sampah yang dibuang ke tapak pelupusan sampah juga dapat dikurangkan. Harus bekerjasama untuk semua pihak melestarikan sekitar alam.

(Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara)

Struktur Ayat yang Salah	Struktur Ayat yang Betul
Sisa dikutip akan makanan dua kali seminggu.	Sisa makanan akan dikutip dua kali seminggu.

Aktiviti

Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari aspek struktur ayat.

Nota Guru 3.3.2 (iii)

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan struktur ayat.

KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Berdisiplin
Kontekstual – Memindahkan

Seni Bahasa







Pesananku


Wahai kawan
dengarlah luahanku ini
janganlah dibuang
minyak masak terpakai
kitarlah semula
agar alam ini terpelihara.

Wahai rakan
alangkah baiknya
jika bersama-sama
kita mengolah semula
minyak masak terpakai
menjadi sabun untuk cucian.

Wahai teman
andainya ada
minyak masak terpakai
usahlah dicurahkan
kerana kita mampu
memprosesnya menjadi lilin
untuk sinari kegelapan.

Hasdi
Johor Bahru

IMBAS SAYA



Sajak ini menceritakan _____.

Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dan menyatakan maksud sajak.

Nota Guru 4.2.3 (ii)

- Bimbing murid mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul dan sesuai.


KB – Menghubung kait
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Prihatin

Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Perangkap Sisa Makanan

Mak Cik Siti ibu saudara Nabila. Beliau pengusaha kantin di sekolah Nabila. Selepas waktu persekolahan, Nabila membantu mak ciknya di kantin.

Nabila: Ini alat perangkap sisa makanan, mak cik?
Mak Cik Siti: Ya, Nabila. Ini alat perangkap sisa makanan.
Nabila: Alat ini disambung terus pada singki?
Mak Cik Siti: Benar, Nabila. Alat ini disambung terus pada singki.
Nabila: Banyakkah faedahnya?
Mak Cik Siti: Mestilah banyak faedahnya, Nabila. Air dari singki yang mengalir ke dalam longkang bebas daripada sisa kotoran.
Nabila: _____?
Mak Cik Siti: Boleh. Alat ini menjadikan longkang bersih dan tidak berbau. Aliran air longkang juga akan lancar. Seterusnya, sungai juga akan bersih.



Info Bahasa

Ayat tanya tanpa kata tanya ialah ayat tanya yang **tidak** menggunakan kata tanya seperti berapa, bila, bagaimana, mengapa, siapa, apa dan mana. Intonasi ayat tanya jenis ini lazimnya diucapkan dengan nada suara tinggi sebelum senyap pada akhir ayat.
Contohnya:
1. Itu mak cik kamu?
2. Mereka berada di kantin?
3. Bolehkah saya menolong mak cik?

Aktiviti

Membina ayat tanya tanpa kata tanya.

Nota Guru 5.3.1 (iv)

- Bimbing murid melengkapkan dialog dengan ayat tanya tanpa kata tanya.

KB – Konsepsi KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

UNIT 17

Sumbangan Kita

Mendengar dan Bertutur

Rakan Alam Sekitar



Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 4 Jun 2009. Program tersebut menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Objektif RAS adalah seperti yang berikut:

1. Memberikan kesedaran tentang alam sekitar kepada masyarakat.
2. Menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk menjaga alam sekitar.

Layari laman sesawang untuk mendapatkan maklumat lanjut.

(Sumber: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)

Marilah kita sama-sama menyumbangkan tenaga ke arah melestarikan alam.

Keesokannya, Nabila bertemu dengan Fatin.



Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat dan menyampaikannya.

Nota Guru 1.2.3

- Bimbing murid memahami maklumat.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Prihatin
TMK – Penerokaan

Membaca


Jagalah Bumi Kita



Pergi beriadah ke Ulu Kinta,
Destinasi bercuti bersama rakan;
Alam indah impian kita,
Bersatu hati sama zahirkan.



Dari Tanjung Jara ke Kemasik,
Mencari selasih tidaklah lama;
Perlu dipelihara laut dan tasik,
Airnya bersih digunakan bersama.



Mengail ketuka di lubuk ikan,
Sengat disisih dengan segera;
Pembakaran terbuka perlu dielakkan,
Udara bersih hidup sejahtera.



Belayar abang menaiki lancang,
Tiba di Pekan waktu malam;
Hutan ditebang perlu dirancang,
Untuk elakkan kemusnahan alam.

Aktiviti

Membaca pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru 2.3.2 (iv)

- Bimbing murid memahami pantun.

KB – Menghubung kait
EMK: Kelestarian alam sekitar

KP – Naturalis

Menulis

Sayangi Sungai Kita

Nabila menghadiri Pameran Alam Sekitar yang diadakan di Pusat Informasi Sungai Skudai, Johor. Banyak maklumat yang diperoleh.



Selepas mendengar ceramah, Nabila dan peserta lain telah membersihkan kawasan Sungai Skudai, Johor. Kawasan sungai yang kotor telah bersih dan indah. Mereka berjanji akan terus menyertai kegiatan pembersihan sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

1. Di manakah Pameran Alam Sekitar diadakan?
2. Apakah maksud pencemaran sungai dari punca tetap?
3. Air sisa larut resap berpunca dari mana?
4. Mengapakah kawasan Sungai Skudai dibersihkan?
5. Apakah janji Nabila dan rakan-rakan?

Aktiviti

Menulis jawapan pemahaman berdasarkan teks.

Nota Guru 3.2.2 (i)

- Bimbing murid menaakul bahan.
- Minta murid berbincang dalam kumpulan untuk mencari jawapan.

KB – Menaakul BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Ayat Tunggal

Sisa Elektronik



Nabila menghadiri Program Lestarikan Alam. Dia telah mendengar penerangan tentang sisa elektronik. Kini, Nabila sudah faham akan cara pelupusan sisa elektronik.

Nabila _____



mengedarkan

Fatin _____



membawa

(Sumber: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)

IMBAS SAYA

Info Bahasa

Ayat tunggal ialah ayat yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.

Subjek	Predikat
Mereka	mengumpulkan peralatan elektrik.
Cikgu Hadif	guru mata pelajaran Bahasa Melayu.

Aktiviti

Membina ayat tunggal berpandukan gambar.

Nota Guru 5.3.2 (i)

- Bimbing murid menulis ayat tunggal dalam buku latihan.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kelestarian alam
Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

Ayat Majmuk

Lindungi Lautan Kita

Nabila dan Nasri menemani datuk mereka ke pantai untuk menangkap ketam. Mereka sangat gembira dan teruja.



Mereka berjalan sambil berbual-bual. Mereka membawa alatan untuk menangkap ketam.



Nabila berjalan-jalan di pantai lalu ternampak tompokan minyak.

1. Banyak ikan mati di situ.
2. Banyak burung mati di situ. (dan)



1. Nabila mengeluarkan telefon bimbitnya.
2. Nabila mengambil gambar. (lalu)

1. Nabila mencatat masa.
2. Nabila mencatat lokasi. (dan)



1. Nabila berfikir.
2. Nabila memegang telefon bimbit. (sambil)

1. Nabila ingin menelefon Jabatan Alam Sekitar (JAS).
2. Nabila ingin menulis surat kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). (atau)

Aktiviti

Membina ayat majmuk untuk melengkapkan cerita.

Info Bahasa

Ayat majmuk ialah ayat yang terdiri daripada beberapa ayat tunggal.

Contoh:

Nabila dan Nadira bersiar-siar di tepi pantai. (ayat majmuk)

(a) Nabila bersiar-siar di tepi pantai. (ayat tunggal)
(b) Nadira bersiar-siar di tepi pantai. (ayat tunggal)
} kata hubung (dan)

Nota Guru 5.3.2 (ii)

- Bimbing murid mengenal pasti ayat majmuk.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
KP – Naturalis

Kata Ganti Nama

Pertanian Mesra Alam

Nabila dan adiknya ke sawah padi milik datuk mereka.

Kata ganti nama diri pertama	menggantikan nama orang yang bercakap
Kata ganti nama diri kedua	merujuk orang yang diajak bercakap
Kata ganti nama diri ketiga	merujuk orang yang sedang diperkatakan









Kata ganti nama tunjuk umum
- itu (tunjuk sesuatu yang jauh)
- ini (tunjuk sesuatu yang dekat)

Kata ganti nama tunjuk tempat
- sana (menyatakan tempat yang jauh)
- sini (menyatakan tempat yang dekat)
- situ (menyatakan tempat yang agak jauh tetapi masih dapat dilihat)

Aktiviti

Menggunakan kata ganti nama mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.1 (iii)

- Bimbing murid melakonkan dialog.

KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
KP – Kinestetik

UNIT 18

Tahukah Kamu?

Mendengar dan Bertutur

Kelestarian Hutan Bandar

Hanif sedang membentangkan hasil kerja kumpulannya.



Aktiviti

Bertutur dan memberikan respons terhadap suruhan dan permintaan.

Nota Guru 1.1.2 (i)


- Bimbing murid memberikan respons terhadap suruhan dan permintaan.

KB – Menghubung kait
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Membaca


Bangunan Berteknologi Hijau

Hanif amat tertarik akan penerangan gurunya tentang teknologi hijau. Di rumah, Hanif telah melayari Internet untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.



Cermin lut sinar dipasang pada seluruh bahagian dinding bangunan. Oleh itu, ruang di dalam bangunan ini mendapat cahaya matahari yang secukupnya. Cara ini dapat mengurangkan penggunaan lampu elektrik.

Tanaman pokok hiasan dapat membekalkan udara yang segar dan menyejukkan persekitaran. Kaedah ini pastinya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan penyaman udara.



Panel solar yang dipasang pada bahagian bumbung bangunan dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik secara keseluruhan.

Penanaman rumput pada bumbung bangunan adalah untuk mengurangkan kepanasan bangunan. Kesannya, penggunaan penyaman udara dapat diminimumkan. Dengan cara ini, pembebasan gas berbahaya dapat dikurangkan.

(Sumber: Suruhanjaya Tenaga Malaysia)



Info Bahasa

Kosa kata umum ialah perkataan yang biasa digunakan oleh anggota masyarakat.
Contoh: Udara ialah campuran berbagai-bagai jenis gas yang terdapat di atas muka bumi.

Kosa kata istilah ialah perkataan khusus untuk bidang ilmu yang tertentu.
Contoh: Cermin lut sinar ialah cermin yang dapat dilihat melaluinya. (bidang kejuruteraan)

Aktiviti

Membaca dan mengenal pasti maksud kosa kata.

Nota Guru 2.2.1 (i)

- Bimbing murid mencari maksud kosa kata menggunakan kamus.

KB – Mengenal pasti
BCB – Bacaan intensif
EMK: Kelestarian alam sekitar

Menulis

Hari Tanpa Kenderaan



JOHOR BAHRU, 25 Jun - Majlis Bandar Raya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan di bandar raya tersebut.

Program tersebut adalah antara cara terbaik untuk mendidik orang ramai agar bersama-sama mengurangkan pencemaran alam sekitar. Selain itu, orang ramai juga perlu sedar akan kepentingan penjagaan alam sekitar.

Orang ramai turut digalakkan berjalan kaki atau berbasikal pada hari tersebut.

1. Berapa lamakah tempoh program tersebut dijalankan?
2. Mengapakah beberapa batang jalan raya ditutup pada hari tersebut?
3. Mengapakah program tersebut dilaksanakan?
4. Bagaimanakah caranya untuk menyokong program itu?
5. Jika kamu berpeluang untuk menyertai aktiviti ini, adakah kamu akan menyertainya? Berikan alasan kamu.

Aktiviti

Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bercapah.

Nota Guru 3.2.2 (ii)

- Bimbing murid menyampaikan maklumat berdasarkan gambar.
- Bimbing murid berbincang dalam kumpulan untuk menjawab soalan.

KB – Menganalisis
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Kelestarian alam sekitar

Seni Bahasa

Taman Negara Kita


Pokok bidara di tepi perigi
Pohon mempelam lebat buahnya

Taman negara banyak pokok
Hakisan tanah dapat dihindari

Letak di para buah delima, } pembayang
⟶ Daun ketupat di sisi saudari; } maksud
Taman negara diberikan nama, } maksud
⟶ Jadikan tempat indah lestari.



Hilang kejora / menjelang pagi,
Nampak titisan / belumlah cair;
Taman negara / tanahnya tinggi,
Jadi kawasan / tadahan air.



_____,
_____;
Taman negara perlu dilindungi,
Kitaran alam kekal selamanya.



Di pohon ara ayam berkokok,
Di atas tanah turun si nuri;
_____,
_____.



Info Bahasa

Rima ialah bunyi yang sama pada huruf atau kata akhir dalam sesuatu rangkap pantun.
Jeda ialah hentian di tengah baris pantun. Dalam rangkap pantun kedua di atas, jeda ditandai oleh lambang /.

Aktiviti

Melengkapkan pantun.


Nota Guru 4.3.1 (i)

- Bimbing murid melengkapkan pantun dalam kumpulan. Kemudian, murid membaca pantun di hadapan kelas.

KB – Mereka cipta
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Menghargai

Penjodoh Bilangan

Indahnya Kebun Datuk



Aktiviti

Menggunakan penjodoh bilangan untuk membina ayat.

Nota Guru 5.1.1 (iv)

- Bimbing murid menyatakan penjodoh bilangan yang lain.

KB – Mengecam
KP – Naturalis
EMK: Kelestarian alam sekitar

Kata Kerja Aktif Transitif dan Kata Kerja Aktif Tak Transitif

Semburan Kabut Mesra Alam


Tuan-tuan dan puan-puan, semburan kabut untuk membasmi nyamuk aedes akan kami lakukan di kawasan perumahan ini.

Usahlah bimbang tentang keselamatan bahan yang digunakan. Kami menggunakan bahan semburan yang diperbuat daripada minyak masak terpakai. Minyak tersebut telah kami proses dengan kaedah bioteknologi.

Selain itu, bahan semburan tersebut tidak mempunyai kesan sampingan terhadap alam sekitar. Pencemaran udara dapat dikurangkan kerana semburan kabut tidak mengeluarkan bau busuk. Kesannya, alam sekitar menjadi bersih.

Para penghuni diminta keluar dari rumah ketika penyemburan dijalankan. Pastikan tingkap dan pintu rumah tidak bertutup. Tuan puan hanya dibenarkan berdiri di luar rumah sehingga keadaan beransur pulih.

(Sumber: Majlis Perbandaran Sepang)




berucap



menyembur



membuka



berkumpul

Info Bahasa

Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek sebagai penyambut.
Contoh: menyembur kabut, memegang mikrofon

Kata kerja aktif tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek sebagai penyambut.
(a) Kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap:
Contoh: Petugas itu baru tiba.
(b) Kata kerja aktif tak transitif berpelengkap:
Contoh: Keadaannya beransur pulih.

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif.

Nota Guru 5.1.2 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif.

KB – Menganalisis
BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

BA2: 44 & 45

Kata Kerja Pasif

Keindahan Hutan Hujan Borneo



Murid-murid berkumpul setelah tiba di Pusat Penemuan Hutan Hujan, Sabah. Taklimat ringkas diberikan oleh Cikgu Haris. Murid-murid mendengar taklimat dengan tekunnya.

diarahkan

Murid-murid berjalan mengikut laluan pejalan kaki yang disediakan oleh pihak berkuasa. Laluan ini penting untuk memastikan tumbuhan kecil tidak terpijak oleh pengunjung.



terlihat



Lawatan ini bermanfaat kepada murid sekolah. Mereka belajar tentang kepentingan ekosistem hutan. Ilmu tentang penjagaan alam sekitar dapat diamalkan oleh murid-murid dalam kehidupan seharian.

dicatat

Info

Ekosistem ialah sistem yang melibatkan hubungan antara haiwan atau tumbuhan dengan alam persekitarannya.

Info Bahasa

Kata kerja pasif ialah kata kerja yang terdapat dalam ayat pasif yang memberikan penekanan kepada objek asal.

Ayat pasif:

Kasut saya	terpijak	oleh	Ali
objek	kata kerja pasif		pelaku

Ayat aktif:

Ali	memijak	kasut saya
pelaku	kata kerja aktif	objek

Aktiviti

Menggunakan kata kerja pasif mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.2 (ii)

- Bimbing murid membina ayat berdasarkan perkataan yang diberikan.

KB – Mengecam
EMK: Kelestarian alam sekitar
Konstruktivisme – Menghubung kait

Pengukuhan

Baca petikan. Kemudian, edit dan murnikan. Tulis jawapan dalam buku latihan.

Impianku Terlaksana

Hanif tidak mensangka sama sekali, impiannya untuk ke santuari ikan kelah di Tasik Kenyir, Terengganu telah mencapai selama ini dia hanya menuntunnya di kaca televisen.

"Hanif, apa yang kamu tunggu lagi? Cepatlah ke sini. Ikan banyak kelah di sini. Tolong bawa memakan ikan yang kamu beli tadi," panggil ayahnya.

Baiklah, ayah, jawab Hanif yang baru tersedar daripada lamonannya. Hanif hanya bersenyum dan berjalan dengan lincahnya ke arah ayahnya.

"Wah, banyaknya ikan kelah Bolehkah kita menambil ikan ini untuk kita pelihara?" tanya Hanif

"Tidak boleh, Hanif. Ikan-ikan di situ hanya untuk pemuliharaan. Untuk menangkap atau memusnahkan habitatnya tidak dibenarkan sesiapa pun", kata ayah lagi.

Sebelum tiga jam berada di situ, mereka datang ke tempat penginapan.



Penilaian

(a) Secara berpasangan, berbual tentang cara pembuatan bebola lumpur. Kemudian, persembahkannya.

Bebola Lumpur Bersihkan Sumber Air

Sekam padi dicampurkan dengan Mikroorganisma Efektif (EM) dan tanah merah.



Buat bebola lumpur.



Peram selama seminggu untuk proses penapaian.

Buang bebola lumpur ke dalam sungai yang tercemar.

Untuk membuat bebola lumpur, mula-mula, ____



(Sumber: Jabatan Alam Sekitar, Negeri Johor)

(b) Baca petikan dan cari maksud kosa kata.

Hanif telah menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Rakan Alam Sekitar (RAS) di sekolahnya. Hanif berpeluang untuk mempelajari cara-cara membuat bebola lumpur yang mengandungi Mikroorganisma Efektif (EM).

Bebola lumpur boleh merawat air yang tercemar. Bebola tersebut tidak berbahaya kepada hidupan akuatik. Bebola lumpur dimasukkan ke dalam air yang tercemar. Air yang berlumpur dan berbau menjadi jernih serta bersih. Keadaan ini menjadikan hidupan akuatik lebih berkualiti.

(c) Jawab soalan pemahaman.

1. Di manakah Hanif mempelajari cara-cara membuat bebola lumpur?
2. Apakah kegunaan bebola lumpur?
3. Nyatakan kesan kepada ikan di dalam tasik yang dimasukkan bebola lumpur.

(d) Senaraikan kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif dan kata kerja pasif yang terdapat dalam teks.

kata kerja aktif transitif	kata kerja aktif tak transitif	kata kerja pasif
_____	_____	_____
_____	_____	_____

1.2.3, 2.2.1 (i), 3.2.2 (ii), 5.1.2 (i), (ii)

Bacaan Luas

Jantung Borneo



Jantung Borneo ialah kawasan hutan yang berada di sempadan tiga buah negara. Negara tersebut ialah Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan Indonesia. Ketiga-tiga negara ini telah menandatangani perjanjian bagi pemeliharaan kawasan tersebut.

Jantung Borneo diwujudkan supaya kawasan hutan dapat diurus dan dipulihara dengan lebih baik. Projek ini penting bagi keseimbangan kitaran hidrologi. Kini, pihak keselamatan ketiga-tiga buah negara sentiasa memastikan Jantung Borneo ini tidak dicerobohi.







Murid-murid boleh melawat ke kawasan Jantung Borneo. Lawatan ini dapat meningkatkan kesedaran akan pemuliharaan kawasan hutan. Mereka harus mendapat pendedahan awal tentang kepentingan ekosistem hutan terhadap kehidupan alam.





(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/341331/700000-hektar-hutan-sabah)*

TEMA 7

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Alunan Kehidupan Laut dan Darat

Bumi menghijau
kaya dengan tumbuh-tumbuhan
mesra alam
tiada racun merosakkan
tanah subur dengan baja organik
hasil bertambah.

Teknologi moden
ternakan dipelbagai
bukan hanya kambing dan lembu
kini hidupan laut diternak
menari riang di dasarmu
ternakan membiak
penternak tersenyum bahagia.

Kurniaan Tuhan
laut dan tanah
memberikan hasil kepada petani
tanaman semakin subur
ternakan terus membiak
petani dan nelayan
bertambah jaya.

Aktiviti

Menyatakan maksud sajak dan mendeklamasikannya.

UNIT 19

Pertanian Sumber Pendapatan

Mendengar dan Bertutur

Ladang Jagung Pak Kassim

Pegawai Jabatan Pertanian telah melawat ke ladang jagung bijirin Pak Kassim.

Encik Husni, sila ikut saya ke ladang.

Encik Husni jangan bimbang. Tanaman jagung saya tidak menghadapi masalah lagi. Hasilnya juga telah bertambah.

Baiklah, Encik Husni. Saya sangat bersyukur dengan bantuan tersebut.

_____

Terima kasih, Pak Kassim. Bagaimanakah tanaman jagung bijirin Pak Kassim?

Syabas, Pak Kassim! Pak Kassim juga usah risau. Pihak kami sentiasa bersedia untuk membantu.

Jika Pak Kassim berkelapangan, jemput hadir ke kursus keusahawanan pertanian yang kami anjurkan.



Aktiviti

Memberikan respons terhadap ayat silaan dan ayat larangan.

Nota Guru 1.1.2 (ii)

- Bimbing murid mendengar dan memahami ayat silaan dan ayat larangan.

KB – Mengecam
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

Membaca

Perkongsian Bijak

Hanif dan bapanya, Encik Salim, menziarahi rakannya, iaitu Encik Azman.



Encik Azman ialah usahawan tanaman cili padi. Beliau telah mengusahakan tanaman tersebut selama sepuluh tahun. Kini, beliau mempunyai 200,000 batang pokok cili padi.

Kejayaan Encik Azman ini menjadikan beliau pembekal cili padi utama di selatan Semenanjung Malaysia. Beliau amat mementingkan kualiti hasil tanaman. Oleh itu, permintaan cili padi beliau amat tinggi.

Selain itu, Encik Azman juga pengeluar sos cili padi. Beliau mendapat bekalan botol daripada abangnya. Abangnya mempunyai kilang pembuatan botol di Muar, Johor.

Usaha sama ini telah meningkatkan pendapatan Encik Azman. Beliau mendapat harga murah untuk kos botol sos. Harapan Encik Azman ialah beliau dapat meluaskan tanaman cili padinya agar penghasilan sos cili padi dapat ditingkatkan.



Perenggan 1	
Idea Utama	**Idea Sampingan**
usahawan tanaman cili padi	200,000 batang pokok cili padi

Aktiviti

Menyatakan idea utama dan idea sampingan berdasarkan teks.

Nota Guru 2.2.1 (ii)

- Bimbing murid mengenal pasti idea utama dan idea sampingan.

KB – Mengecam
BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Keusahawanan

Menulis

Tanaman Akuaponik

Cikgu Hadif memberikan risalah kepada murid Tahun 3 Angsana. Tugasannya adalah untuk mencari maklumat tentang perbezaan dan persamaan tanaman biasa dan tanaman akuaponik.

TANAMAN BIASA



- memerlukan ruang yang luas

Kos
- RM1,000.00 setiap kali tanaman untuk seekar



Kawalan Pokok
- menggunakan racun



Cara Penanaman dan Penjagaan
- menggunakan biji benih
- memerlukan siraman pada setiap hari dan penjagaan rapi
- memerlukan cahaya matahari


TANAMAN AKUAPONIK

- gabungan tanaman hidroponik dan akuakultur, iaitu menerusi tanaman dan ternakan ikan
- tidak memerlukan ruang luas

Kawalan Pokok
- tidak menggunakan racun

Cara Penanaman dan Penjagaan
- menggunakan biji benih
- memerlukan cahaya matahari
- tidak memerlukan siraman dan penjagaan rapi

Kos: RM3,500.00 untuk membeli peralatan (Pembelian sekali sahaja)



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *www.akuaponik.my*)

Aktiviti

Membanding beza tanaman biasa dan tanaman akuaponik.

Nota Guru 3.2.3


- Bimbing murid melengkapkan peta buih berganda berdasarkan teks.
- AT: Minta murid menilai hasil setiap kumpulan - Jelajah Galeri.

KB – Membanding beza
BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Berdikari


BA2: 50 & 51

Seni Bahasa

Beras Wangi



Beras wangi
butir beras yang putih
baunya yang harum
memikat selera.



Kerahan idea, kajian dilakukan
benih berkualiti dihasilkan
kita berjaya
untuk memenuhi impian di hati.



Beras wangi keluaran MARDI

_____

- berkhasiat
- rebutan orang ramai
- terkenal di seluruh negara



_____

- hasil bertambah
- pendapatan meningkat
- pasaran meluas

Info

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ialah institut yang menjalankan penyelidikan dari segi sains, teknikal, ekonomi dan sosial dalam bidang pertanian dan penternakan.

Aktiviti

Mencipta sajak secara berpandu dan mendeklamasikannya.

Nota Guru 4.3.1 (ii)

- Bimbing murid memahami bahan untuk melengkapkan sajak.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran
Kontekstual – Menghubung kait

Kata Adjektif Jarak, Kata Adjektif Perasaan dan Kata Adjektif Pancaindera

Suburnya Pandan

Encik Salim telah menziarahi rakannya di Kampung Rahmat, Kulaijaya, Johor. Encik Salim kagum akan tanaman pandan di ladang kelapa sawit kepunyaan rakannya.





Aktiviti

Menggunakan kata adjektif mengikut konteks.

Kata Hubung

Pokok Tin

Encik Salim dan Hanif ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.

Encik Linton mempunyai ladang pokok tin yang luas.

Beliau seorang usahawan yang berjaya kerana bijak mencari peluang memasarkan tanamannya.

Encik Salim ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.
Hanif ke tapak semaian pokok tin Encik Linton.

Encik Linton mempunyai ladang pokok tin.
Ladang pokok tin itu luas.

Beliau seorang usahawan yang berjaya.
Beliau bijak mencari peluang memasarkan tanamannya.

Pada tahun 2014 _____ tahun 2015, Encik Linton telah berjaya menjual 200 anak benih pokok tin. Pada tahun 2016, permintaan telah meningkat. Jumlah anak benih pokok tin _____ telah dijual adalah sebanyak 320 pokok. Permintaan anak pokok tin Encik Linton terus meningkat _____ ramai petani telah sedar akan keuntungan menanam pokok tin.



dan

yang

kerana

Info Bahasa

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih seperti dan, hingga, yang, kerana.

Aktiviti

Menggunakan kata hubung berdasarkan teks.

Nota Guru 5.1.4 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti kata hubung.

KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Berdikari

Kontekstual – Menghubung kait

UNIT 20

Inovasi dalam Penternakan

Mendengar dan Bertutur

Inovasi Taman Arnab

TAMAN ARNAB | **Destinasi Terbaik Anda untuk Pendidikan Pelancongan**

- Pelbagai jenis arnab dipamerkan di zoo mini. Pengunjung boleh memegang, bermain dan memberikan makanan kepada arnab.
- Taman ini juga dibuka pada waktu malam, iaitu pada pukul 7:30 malam hingga 10:00 malam.

Jualan

- Membekalkan dan menjual daging arnab segar
- Restoran Daging Arnab
  - pelbagai masakan daging arnab disediakan

Bayaran Masuk

- RM3.00 untuk dewasa
- RM2.00 untuk kanak-kanak



Semalam, saya pergi ke Taman Arnab di Kuala Selangor, Selangor.

Di sana, ada zoo mini arnab, jualan daging arnab, restoran dan banyak lagi.


Apakah aktiviti yang menarik di sana?

Adakah taman ini dibuka pada waktu malam?

Berapakah bayaran masuk ke Taman Arnab?

Kamu pergi ke Taman Arnab dengan siapa?

Seronokkah kamu ke Taman Arnab?



Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bertumpu.

Nota Guru 1.1.3 (i)

- Bimbing murid mendengar dan mentafsir soalan bertumpu.

KB – Mentafsir
EMK: Keusahawanan
Kontekstual – Menghubung kait

Membaca

Salutan Nano

Hanif tertarik akan penggunaan salutan nano dalam penternakan madu kelulut milik Encik Imran.



Penyemburan salutan nano pada sarang kelulut



Peralatan penternakan madu kelulut

Encik Imran seorang penternak madu kelulut. Beliau telah menggunakan teknologi salutan nano dalam penternakan madu kelulutnya.

Salutan nano ialah lapisan nipis yang menyaluti permukaan kotak sarang kelulut. Lapisan itu menghalang pertumbuhan kulat dan bakteria.

Salutan nano juga dapat mengelakkan pembaziran madu. Keadaan itu disebabkan tiada lagi madu yang akan dibuang akibat pembiakan kulat. Hal ini dapat menambah pendapatan perusahaan madu kelulut beliau.

Teknologi dan inovasi tersebut ialah satu cara untuk meningkatkan pengeluaran. Seterusnya, cara ini dapat mengembangkan keluaran madu kelulut Encik Imran.

(Sumber: Nano Malaysia Berhad)

Idea keseluruhan teks adalah tentang _____.

Info

Salutan nano – lapisan nipis yang menyaluti permukaan pepejal untuk mencegah pertumbuhan kulat
Kelulut – sejenis serangga kecil seperti tebuan

IMBAS SAYA

Aktiviti

Menyatakan idea keseluruhan berdasarkan teks.

Nota Guru 2.2.1 (iii)

- Bimbing murid membaca, memahami dan mengecam maklumat dalam teks.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Kerajinan
Konstruktivisme – Menerangkan dan menjelaskan idea baru

Menulis

Contoh Kejayaan

Hanif mengikuti Jeeva melihat ternakan landak raya, milik bapa Jeeva.



Encik Siva penternak landak raya. Beliau menjaga mutu landak rayanya. Beliau akan memastikan landak rayanya mendapat vitamin dan garam mineral secukupnya. Oleh itu, beliau melakukan inovasi terhadap pemakanan landak raya tersebut.

Encik Siva mempelbagaikan bahan makanan landak raya. Beliau memberi landak raya makan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti betik, sayur dan labu. Cara tersebut adalah untuk mengelakkan landak daripada dijangkiti penyakit. Oleh itu, daging landak yang berkualiti dapat dihasilkan. Vitamin juga penting untuk proses tumbesaran landaknya.

Aktiviti

Menulis ayat yang diimlakkan.

Nota Guru 3.2.4 (i)


- Minta murid mendengar ayat yang dibaca oleh guru dengan telitinya.

KB – Mengecam
KP – Intrapersonal
EMK: Nilai Murni – Berdikari

Kata Sendi Nama

Pengeraman Mudah Alih

Hanif melihat ternakan ikan tilapia pak longnya. Beliau menunjukkan cara mengeramkan telur ikan tilapia kepada Hanif. Cara ini dapat meningkatkan hasil.



Telur ikan betina akan dimasukkan ke dalam bekas pengeraman. Bahan terbuang seperti botol mineral digunakan sebagai bekas pengeraman. Suhu air di dalam botol sama seperti suhu di dalam mulut ikan. Mari ikut pak long ke tempat pengeraman.



ikan betina ditangkap oleh pekerja



keluar - dari



hingga - menetas

(Sumber: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI))



anak ikan - di dalam

Info Bahasa

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama. Contohnya:
dalam, seperti, di, ke, oleh, hingga, daripada
Contoh:
Mari ikut pak long ke tempat pengeraman.
ke – kata sendi nama
tempat – kata nama

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata sendi nama.

Nota Guru 5.1.4 (ii)

- Bimbing murid menggunakan kata sendi nama.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Berusaha
KP – Interpersonal

Kata Tanya

Udang Galah Air Bukit



Hanif dan bapanya, Encik Salim, ke kolam ternakan udang galah yang menggunakan air bukit.

Encik Salim: Apa khabar, Encik Izam? Bagaimanakah ternakan udang galah?
Encik Izam: Khabar baik, Encik Salim. Perusahaan saya semakin maju.
Hanif: Berapakah jumlah kolam pak cik sekarang?
Encik Izam: Pak cik ada 14 buah kolam.
Hanif: Oh, banyaknya! Pak cik, dari manakah punca air kolam ini?
Encik Izam: Air kolam ini diperoleh dari bukit.
Hanif: Mengapakah pak cik menggunakan air bukit?
Encik Izam: Air bukit tiada klorin dan tidak perlu dirawat.
Hanif: Udang galah di sini makan _____, pak cik?
Encik Izam: Udang galah makan hidupan seni di dalam kolam.
Hanif: _____ penjagaan udang galah di dalam kolam ini?
Encik Izam: Udang galah di sini tidak memerlukan penjagaan rapi seperti kolam biasa. Udang membesar secara semula jadi.
Encik Salim: Baiklah, Encik Izam. Kami minta diri dahulu. Terima kasih atas maklumat yang diberikan.

Info Bahasa

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu.
Contoh: mengapa, berapa, bila, bagaimana, mana, apa
Contoh ayat: Apa khabar, Encik Izam?

Aktiviti

Menggunakan kata tanya untuk melengkapkan teks.

Nota Guru 5.1.4 (iv)

- Bimbing murid mengenal pasti kata tanya.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kerajinan


Kontekstual – Mengaplikasi

Kata Perintah

Usah Dibuang

Hanif ke kandang ternakan kambing pak longnya. Dia hairan kerana tiada bau hamis di kawasan sekitar.

Hanif: Mengapakah kandang kambing pak long tidak berbau seperti kandang kambing yang lain?
Pak Long: Oh, pak long menggunakan batang jagung untuk makanan ternakan pak long! Ambilkan pak long tong yang kecil itu. Hati-hati membawanya, jangan terjatuh.
Hanif: Apakah yang ada di dalamnya, pak long?
Pak Long: Inilah makanan ternakan kambing pak long. Pak long membuatnya daripada batang jagung.
Hanif: Pak long, tolong terangkan cara-caranya.
Pak Long: Boleh, Hanif. Sila lihat mesin ini. Ini mesin meracik. Mula-mula, _____



(Sumber: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI))

Info

Aditif ialah bahan tambahan yang dimasukkan ke dalam makanan ternakan yang bertujuan untuk menggalakkan tumbesaran ternakan.

Info Bahasa

Kata perintah ialah perkataan yang boleh menimbulkan tindak balas terhadap:
larangan: jangan, usah (menegah seseorang melakukan sesuatu)
permintaan: tolong, minta, harap (memohon pertolongan dan membuat permintaan)
silaan: sila, jemput (mempersilakan seseorang)

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata perintah dan frasa.

Nota Guru 5.1.4 (v)

- Bimbing murid mengenal pasti kata perintah.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Kerajinan
Kontekstual – Mengaplikasi

UNIT 21

Bumi Bertuah

Mendengar dan Bertutur

Penternak Jaya

Nabila dan Hanif melihat gambar penerima anugerah sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2017.







Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan.

Nota Guru 1.1.3 (ii)

- Bimbing murid meneliti bahan.


KB – Mensintesis
EMK: Nilai Murni – Berusaha
KMD – Meramal

Membaca

Keratan Batang Pokok

Hanif telah ditugaskan untuk membuat persembahan tentang jenis keratan batang pokok.

Keratan Batang Pokok



Keratan kayu lembut

- Diambil pada bahagian pucuk
- Kulit kayu berwarna hijau dan lembut
- Daun di bahagian bawah dibuang




Keratan kayu sederhana keras

- Diambil pada bahagian tengah
- Kulit kayu berwarna perang kehijauan
- Daun di bahagian atas dibiarkan



Keratan kayu keras

- Diambil pada bahagian berkayu, keras dan matang
- Kulit kayu berwarna perang
- Semua daun dibuang



Kawan-kawan, hari ini saya akan bercerita tentang tiga jenis keratan batang pokok.

Keratan batang pokok antara cara dalam penanaman pokok.

Keratan batang pokok mengurangkan kos para pekebun dan peladang untuk mendapatkan benih pokok berkualiti.

Keratan batang pokok _____.

Aktiviti

Membaca dan menerangkan maklumat daripada label.

Nota Guru 2.3.1 (i)

- Bimbing murid membaca label pada bahan.

KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
BCB – Bacaan mekanis



Menulis

Lawatan ke Kilang Nanas Manis

Pada hari Isnin yang lalu, saya dan kawan-kawan ke Kilang Nanas Manis. Lawatan itu disertai oleh 20 orang murid dan seorang guru.



Berkumpul di kantin
- mendengar taklimat Cikgu Haris

Tiba di Kilang Nanas Manis
- disambut oleh Encik Ikhwan, Pengurus Kilang
- menyampaikan taklimat ringkas






Melihat cara memproses jem nanas
- nanas dibuang kulit, mata dan empulur nanas - nanas diparut
- masukkan gula
- dimasak hingga likat



Melawat ke kios
- pelbagai produk - jem nanas
- kordial nanas - buah nanas di dalam tin



Sebelum pulang
_____



Bertolak pulang ke sekolah
_____

Lawatan ini sungguh berfaedah dan menambahkan pengetahuan kami tentang hasil pertanian.

Info

Likat ialah keadaan yang hampir keras atau pekat.

Aktiviti

Menghasilkan kerangka dan penulisan karangan naratif.

Nota Guru 3.3.1 (i)

- Bimbing murid membina kerangka karangan.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Berdisiplin

Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

BA2: 64 & 65

Seni Bahasa

Kisah di Kebun Cili

Cerita 1

Si Cili Hijau, Si Cili Merah dan Si Cili Padi tinggal di kebun milik Pak Ahmad. Mereka bertiga berbual-bual tentang kelebihan diri masing-masing.


Aku cantik kerana warnaku merah. Aku lebih pedas berbanding dengan kamu, Si Cili Hijau. Aku juga dapat meningkatkan kadar metabolisme.






Ya, Si Cili Merah. Aku pula dapat menjaga sistem ketahanan tubuh.

Namun, gabungan kita berdua dalam masakan akan mencantikkan hidangan.



Jika mahu masakan lebih pedas lagi, itu tugas aku.





Itulah sebabnya ada peribahasa "Kecil-kecil cili padi".





Kita semua penting untuk menambahkan keenakan dalam masakan.


Pak Ahmad menjaga keluarga kita dengan baiknya. Kita perlu hidup dengan suburnya. Hasil jualan kita akan meningkatkan pendapatan Pak Ahmad.



Cerita 2

Si Rambutan, Si Manggis dan Si Durian tinggal di dusun milik Pak Ali. Mereka bertiga berbual-bual tentang kelebihan diri masing-masing.


Aku cantik kerana warnaku merah. Aku mempunyai rerambut yang lembut. Rasaku manis.



Benar, Rambutan. Aku pula unik. Ungu di luar, manakala putih di dalam. Rasaku masam manis.




Gabungan warna kita menambahkan lagi kecantikan buah-buahan tempatan.











Aktiviti

Mengubah suai cerita dan mempersembahkannya.

Nota Guru 4.3.2

- Bimbing murid mengubah suai cerita.

KB – Membuat gambaran mental
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

Kata Penguat

Ulam-ulaman



Info Bahasa

Kata penguat ialah kata yang mendahului atau mengikut kata adjektif dan berfungsi untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.
Contoh:
- Kata penguat hadapan: terlalu, paling, agak
- Kata penguat belakang: sekali, benar, nian, betul
- Kata penguat bebas: amat, sangat, sungguh

Aktiviti

Menggunakan kata penguat untuk melengkapkan ayat.

Nota Guru 5.1.4 (viii)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata penguat.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Dedikasi
Konstruktivisme – Menghubung kait

Kata Bantu

Santan Sawit

Kebanyakan masakan tradisional Melayu memerlukan santan sebagai bahan utama. Jika ditukar dengan bahan lain mungkin akan mempengaruhi rasa serta kualiti masakan tersebut.

Santan sawit tiada bezanya dengan santan kelapa biasa. Rasa dan bau santan sawit masih sama dengan santan kelapa.

Santan sawit memiliki kelebihan yang tiada pada santan kelapa. Santan sawit dapat menjimatkan kos. Santan sawit perlu digunakan sedikit sahaja. Untuk masakan seperti kari, kita cuma memerlukan satu pertiga daripada santan kelapa. Hal ini disebabkan santan sawit lebih pekat.

Santan sawit tidak akan berbau tengik. Santan sawit yang belum dibuka bungkusannya boleh disimpan sehingga tiga bulan. Jika telah dibuka, santan tersebut boleh disimpan selama sebulan pada suhu rendah.

Makanan yang _____ dimasak menggunakan santan sawit juga tidak mudah rosak, hanya perlu disimpan di dalam peti sejuk dan dipanaskan.

Santan sawit juga _____ menggantikan susu jika _____ memasak nasi minyak dan nasi beriani.

Kata Bantu Ragam

• Bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan.
Contoh: hendak, mahu, harus, mesti

Kata Bantu Aspek

• Bentuk kata yang menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu masa lampau, masa kini atau masa hadapan.
Contoh: sudah, pernah, sedang, baru



(Sumber: http://www.utusan.com.my/utusan/info)

Aktiviti

Menggunakan kata bantu mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.4 (x)

• Bimbing murid memahami penggunaan kata bantu.
KB – Membuat inferens
EMK: Nilai Murni – Rasional
KP – Intrapersonal

Pemulihan

Isikan kata tanya yang sesuai dalam ayat tanya berpandukan maklumat dalam poster di bawah.

Karnival Ternakan



1. Di_____ Karnival Kelulut Putrajaya 20□□ diadakan?
   Karnival Kelulut Putrajaya 20□□ diadakan di Taman Botani Putrajaya.

2. _____kah tarikh karnival ini diadakan?
   Karnival ini diadakan pada 19 hingga 21 Mac 20□□.

3. _____kah acara menarik yang diadakan semasa karnival ini?
   Acara menarik yang diadakan semasa karnival ini berlangsung ialah pameran pelbagai spesies kelulut hidup.

4. _____kah sebarang bayaran dikenakan?
   Tiada bayaran yang dikenakan kepada pengunjung.

5. _____kah tema karnival ini?
   Tema karnival ini ialah "Cintai Kelulut Khazanah Negara".

5.1.4 (iv)

Pengayaan

Bina soalan menggunakan kata tanya berdasarkan dadu yang dibalingkan. Gerakkan penanda mengikut nilai pada dadu.

Cara Bermain Permainan Ayat Tanya

1. Permainan ini seperti permainan ular dan tangga.
2. Baling dadu. Jika dadu menunjukkan bilangan 2, murid menggerakkan penanda 2 langkah.
3. Murid membina ayat tanya menggunakan kata tanya bila berdasarkan gambar pada kotak.
4. Jika penanda berhenti pada kotak lebah, penanda digerakkan menaik.
5. Jika penanda berhenti pada kotak sayur menjalar, penanda digerakkan menurun.





Turun

Naik

apa

bila

mana

siapa

berapa

bagaimana

TEMA 8

EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN KEWANGAN

EKONOMI



KEUSAHAWANAN



KEWANGAN



Aktiviti

Berbicara tentang gambar.

UNIT 22

Bijak Ekonomi

Mendengar dan Bertutur

Bijak Membeli

UTAMA | PRODUK | EJEN & STOKIS | HUBUNGI KAMI | TEMPAHAN | TESTIMONI



Minyak Wangi Melati

- harga yang berpatutan
- bau tahan lama
- tidak mengandungi bahan kimia
- berkualiti
- botol yang menarik
- keluaran tempatan
- dua hari penghantaran

Minyak Wangi Lavender



- harga yang mahal
- bau tahan lama
- mengandungi bahan kimia
- berkualiti
- botol yang menarik
- keluaran luar negara
- tujuh hari penghantaran

Selamat petang, ibu. Apakah yang sedang ibu lakukan?

Selamat petang, Nabila. Ibu sedang memilih minyak wangi yang sesuai. Sekiranya Nabila ingin membelinya, Nabila pilih yang mana?

Nabila pilih ____ kerana ____.

Mengapakah Nabila tidak memilih yang satu lagi?

Maafkan Nabila, ibu. Nabila tidak memilih ____ kerana ____.

Oh, begitu! Terima kasih Nabila kerana memberikan pendapat.

Sama-sama, ibu.



Aktiviti

Menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila.

Nota Guru 1.2.1

- Bimbing murid memahami bahan.


KB – Menilai
EMK: Nilai Murni – Rasional

KP – Interpersonal

Membaca

Mesin Layan Diri Automatik MRT

Nabila dan ibunya keluar membeli-belah. Mereka ingin menaiki Transit Laju Massa (MRT) kerana tambangnya murah. Nabila cuba membeli token di mesin layan diri. Ibu membantu Nabila.





Aktiviti

Mengenal pasti dan menerangkan kandungan teks.

Nota Guru 2.3.1 (ii)

- Bimbing murid membaca manual dan memahami teks.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Berani
KP – Interpersonal

Menulis

Usahawan Kuih Denderam

Cikgu Suria meminta murid-murid Tahun 3 Angsana berkongsi maklumat tentang inovasi strategi perniagaan.



- menjual kuih denderam
- menggunakan trak makanan

Encik Nizam seorang peniaga yang kreatif. Beliau sentiasa ingin memajukan perniagaannya. Beliau bijak mengurus perniagaannya.


Encik Nizam menjual kuih denderam. Beliau menggunakan trak makanan untuk menjual kuih itu. Trak makanan tersebut telah diubah suai agar sesuai dengan bahan jualannya.



- menyediakan kuih denderam di dalam trak
- menjual kuih denderam yang panas



- memandu trak
- pelanggan bertambah



Aktiviti

Menghasilkan kerangka dan membina karangan.

Nota Guru 3.3.1 (ii)

- Bimbing murid membina kerangka dan karangan.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Gigih

Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

Kata Dasar, Kata Berimbuhan Awalan dan Kata Berimbuhan Akhiran

Wah, Murahnya!

Nabila: Hai, Darsyini! Kamu hendak ke mana?
Darsyini: Oh, saya hendak ke pasar raya di sana! Nabila, alatan untuk Pendidikan Kesenian sudah kamu beli?
Nabila: Saya sudah membelinya, Darsyini. Cuba kamu _____ iklan ini.
Darsyini: Wah, menarik tawarannya!



lihat

Nabila: Saya telah ke sana bersama-sama dengan keluarga. Terdapat banyak _____ yang dijual dengan harga _____. Ibu saya membeli buku lukisan. Selepas diskaun, saya dapat _____ jimat sebanyak RM3.00.
Darsyini: Wah, untungnya! Kalau begitu, saya juga ingin pergi ke sana untuk membeli krayon.



barangan

Nabila: Baguslah. Kita perlu menjadi pengguna yang bijak. Kita harus _____ untuk barangan yang perlu sahaja. Perbelanjaan keluarga boleh kita jimat_____ .
Darsyini: Baiklah, saya minta diri dahulu. Terima kasih, Nabila.



berbelanja

Aktiviti

Menggunakan kata dasar, kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran untuk membina ayat.

Nota Guru 5.2.1 (i), (ii), (iii)

- Bimbing murid memahami kata dasar, kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran.

KB – Mengkategorikan
KP – Logik matematik
EMK: Nilai Murni – Kesederhanaan

Kata Majmuk

Kad Diskaun





Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata majmuk.

Nota Guru 5.2.2

- Bimbing murid membina ayat.

KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Berjimat cermat

KP – Interpersonal

UNIT 23

Budaya Usahawan

Mendengar dan Bertutur

Bijak Berniaga

Program Didik Bestari akan diadakan pada bulan hadapan. Hanif dan rakan-rakannya mahu menjual minuman.




Hanif memberikan cadangan menjual **air kotak**. Yang berikut ialah maklumat tentang air kotak.

- kegemaran ramai
- dapat menghilangkan dahaga
- mudah diurus
- diperoleh daripada pemborong
- harga jualan RM1.50
- tahan lama
- modalnya agak besar
- keuntungannya kecil

Saiful memberikan cadangan menjual **air bancuhan sendiri**. Yang berikut ialah maklumat tentang air bancuhan sendiri.

- kegemaran ramai
- dapat menghilangkan dahaga
- sukar disediakan
- perlu dibancuh sendiri
- harga jualan RM1.00
- tidak tahan lama
- modalnya kecil
- keuntungannya besar





Aktiviti

Menjelaskan dan membanding beza.

Nota Guru 1.2.2

- Bimbing murid menaakul bahan.

KB – Menilai
EMK: Nilai Murni – Rasional

KP – Verbal linguistik

Perusahaan Salun

Husna dan ibunya ke salun dandanan rambut. Sementara menunggu rambut ibunya didandan, Husna berbual-bual dengan pemilik salun tersebut yang bernama Puan Anisah binti Razak.

"Cantik dan kemas salun milik puan ini. Saya bercita-cita untuk membuka salun seperti ini pada suatu hari nanti," kata Husna kepada Puan Anisah.

"Terima kasih, Husna. Baguslah jika Husna bercita-cita sedemikian. Dahulu, kakak juga sangat berminat dalam bidang peragaan rambut. Oleh itu, kakak perlu mencari ilmu pengetahuan dan berusaha sehingga berjaya.


Kakak meneruskan pengajian dalam bidang penjagaan rambut di Institut Kemahiran Belia Negara. Selepas menamatkan pelajaran, kakak membuka sebuah salun dandanan rambut. Kakak memperkenalkan konsep baharu, iaitu salun Muslimah.

Kini, kakak mempunyai lima cawangan salun Muslimah. Kakak sangat bersyukur apabila konsep yang kakak perkenalkan ini mendapat sambutan ramai," cerita Puan Anisah kepada Husna.



Info

Salun ialah kedai yang menjalankan perniagaan khusus.



Aktiviti

Mengenal pasti dan menerangkan kandungan cerita.

Nota Guru 2.3.1 (iii)

- Bimbing murid membaca dan memahami teks.

KB – Mensintesis
EMK: Nilai Murni – Keberanian
KP – Interpersonal

Menulis


Di Mana Ada Kemahuan, di Situ Ada Jalan

Fatin melihat Nabila sedang memasukkan gambar-gambar ke dalam album.

"Ini gambar siapa, Nabila?" tanya Fatin.

"Oh, ini Pak Cik Mazlan! Beliau pak cik saya. Beliau seorang peraeh udang geragau. Dahulu, beliau nelayan dan pencari udang geragau. Beliau hanya menjual hasel tangkapannya kepada jiran. Kebanyakan jirannya pengusaha belacan dan udang kering. Ada juga yang membuat cencaluk dan kerepek udang secara kecel-kecelan. Permintaan udang geragau daripada pelanggan semaken tinggi.

Namun. beliau pernah menghadapi pelbagai cabaran. hasil tangkapannya sering kali tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan kerana penangkapan udang jenis ini bermusim, Namun begitu, beliau tidak pernah berputus asa. Beliau merebut peluang yang ada untuk mengatasi masalah itu?



Beliau mula mengbeli udang geragau daripada nelayan-nelayan lain. Kemudian, beliau memjual udang geragau kepada penusaha belacan dan cencaluk. Perusahaan itu semakin berkembang maju. Kini, beliau memiliki tiga buah lori yang digunakan untuk membeli dan mehantar udang geragau kepada pelanggannya," cerita Nabila kepada Fatin.

Info

Udang geragau ialah udang kecil yang biasanya dijadikan belacan atau cencaluk.

Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks.

Nota Guru 3.3.2 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

KB – Menganalisis
EMK: Keusahawanan
BCB – Bacaan intensif

Seni Bahasa

Usahawan Berjaya

Ayuh _____
Marilah semua
_____
Prinsip hidup kita

Jadi usahawan
Sematkan _____
Gigih berusaha
_____

Ayuh _____
Hadapi cabaran
_____
Jadikan amalan

Bijaklah berfikir
Sebelum _____
Bersama sepakat
_____

Jujur dan berani

Menuju matlamat

kawan-kawan

Rajin berusaha

di jiwa

Pastikan berjaya

bertindak

rakan-rakan

IMBAS SAYA

Melodi lagu
"Rajin Adik Rajin"

Rajin Adik Rajin

Rajin adik rajin
Rajinlah belajar
Bila besar nanti
Boleh tunjuk ajar

Ayah juga ibu
Gembira selalu
Melihat adikku
Rajin baca buku

Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu dan mempersembahkannya secara kreatif.

Nota Guru 4.3.3

- Bimbing murid menyanyikan lagu.

KB – Menghubung kait
EMK: Kreativiti dan inovasi

KP – Muzikal

Kata Ganda

Berusaha Bersama-sama

Encik Abdul Aziz ialah Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) di SK Gemilang. Beliau dan ahli jawatankuasanya sangat kreatif dalam usaha mengumpulkan dana PIBG.

Beliau **bersama-sama** dengan ibu bapa dan **guru-guru** mengadakan jualan. Mereka menjual **barang-barang** keperluan persekolahan sebagai persediaan untuk tahun hadapan.

Pihak PIBG mendapatkan barangan daripada pengilang. Oleh itu, mereka dapat menjualnya dengan harga yang lebih murah. Strategi ini menjadi tarikan kepada pelanggan untuk datang ke jualan tersebut.

Gerai-gerai jualan pakaian seragam **lelaki** dan perempuan mendapat sambutan ramai. Jurujual melayan pelanggan dengan **ramah-tamah**. Mereka juga menjual makanan. Suasana pada hari tersebut **riuh-rendah**.



Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata ganda mengikut konteks.

Ayat Seruan dan Ayat Perintah

Oh, Inspirasiku!

Hai | Oh | Wah | Eh





harap | usah | jemput





Aktiviti

Membina ayat seruan dan ayat perintah mengikut konteks.

Nota Guru 5.3.1 (i), (ii)

- Bimbing murid membina ayat seruan dan ayat perintah.

KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Berbudi bahasa
Kontekstual – Menghubung kait


BA2: 83 & 84

UNIT 24

Bijak Mengurus Kewangan

Mendengar dan Bertutur

Hasil Menabung







Berapakah jumlahnya, Hanif?

Saya telah mengira duit syiling di dalam tabung ini, ibu.

Jumlahnya sebanyak RM100.00.

Syabas, Hanif! Dalam masa sebulan, kamu telah dapat menabung sebanyak itu.

Terima kasih, ibu.

Apakah yang hendak kamu lakukan dengan duit itu, Hanif?


_____

_____

Bolehkah ibu membawa saya ke bank untuk membuka akaun?

Mengapakah Hanif hendak menabung?

_____



Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat.

Nota Guru 1.2.3

- Bimbing murid mendapatkan maklumat dan menyampaikannya.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Berdikari
Kontekstual – Mengalami

Membaca

Pantun Sikap Berjimat

Beli siakap di Tanjung Keramat,
Jangan dilupa belum bersiang;
Amalkan sikap berjimat cermat,
Tanah sedepa menjadi ladang.

Di bawah jeti airnya surut,
Biduk berlalu berselang-seli;
Hajat di hati usah diturut,
Fikirlah dahulu sebelum membeli.

Petik pegaga di Kuala Jati,
Anak dara masak peria;
Lihatlah harga utamakan kualiti,
Pasti gembira hati pun ceria.

Di tepi paya elok bersangkut,
Limau purut batangnya berduri;
Pentingkan gaya jangan diikut,
Jika diturut binasa diri.

Maksud pantun:
Amalan berjimat cermat dapat menambahkan rezeki.

Maksud pantun:
_____

Maksud pantun:
_____

Maksud pantun:
_____



Aktiviti

Menjelaskan maksud pantun.

Nota Guru 2.3.1 (iv)

- Bimbing murid menaakul pantun.

KB – Membuat kesimpulan
EMK: Nilai Murni – Rasional

Konstruktivisme – Menerangkan dan menjelaskan idea baru

Menulis

Keluarga Hebat

Keluarga Nabila sentiasa mengikut kemampuan diri semasa berbelanja. Setiap kali membeli barangan, ayah Nabila akan membuat senarai barangan. Akan menyenaraikan barang keperluan dan barang kehendak ayah Nabila.

Ayah Nabila juga akan membandingkan harga barang sebelum membelinya. Kadangkala, barang yang sama akan dijual pada harga yang berbeza antara sebuah kedai dengan kedai yang lain. Tawar-menawar akan ayah Nabila juga hingga mendapat harga yang berpatutan.

Ibu Nabila memasak pula rajin. Ibu Nabila menyediakan bekal untuk Nabila ke sekolah. Amalan membawa bekal menjimatkan ke sekolah dapat belanja. Makanan itu juga terjamin kebersihannya.

Terpengaruh dengan fesyen terkini Nabila sendiri tidak mudah. Nabila akan memakai pakaian sedia ada hinggalah dia berasa dia perlu membeli pakaian yang baharu.

Struktur Ayat yang Salah	Struktur Ayat yang Betul
Akan menyenaraikan barang keperluan dan barang kehendak ayah Nabila.	Ayah Nabila akan menyenaraikan barang keperluan dan barang kehendak.
Tawar-menawar akan ayah Nabila juga hingga mendapat harga yang berpatutan.	Ayah Nabila juga akan tawar-menawar hingga mendapat harga yang berpatutan.

Aktiviti

Mengenal pasti kesalahan penggunaan struktur ayat.

Nota Guru 3.3.2 (iii)

- Berbincang untuk menulis struktur ayat yang betul.

KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Berdisiplin
Kontekstual – Mengaplikasi

Ayat Tanya dengan Kata Tanya dan Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Rakan Niaga Muda

Ayat Tanya dengan Kata Tanya



Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya



Aktiviti

Membina ayat tanya dengan kata tanya dan ayat tanya tanpa kata tanya.

Nota Guru 5.3.1 (iii), (iv)

- Bimbing murid menggunakan ayat tanya berdasarkan maklumat.

KB – Mengecam
EMK: Keusahawanan
BCB – Membuat rujukan

BA2: 89 & 90

Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Pembeli Bijak



Hanif, Nabila dan Saiful ke Kedai Buku ABC.

Hanif: Saya hendak membeli pen itu. Harga pen itu RM5.00 sebatang. → **Ayat Tunggal**

Saiful: Saya juga hendak membeli pen yang berharga RM5.00 sebatang. → **Ayat Majmuk**

Nabila: Kalau kamu membeli tiga batang pen itu, harganya RM9.00.

Saiful: Harga sebatang pen itu akan menjadi lebih murah, iaitu RM3.00 sebatang.

Hanif: Saya hendak membeli sebatang pen.

Nabila: Saya dan Saiful juga hendak membeli sebatang pen.

Hanif: Kalau begitu, kita berkongsilah kerana harganya akan lebih murah.

Nabila: Ya. Kita sudah dapat menjimatkan RM2.00 seorang untuk sebatang pen.

Saiful: _____.

Nabila: Saya juga hendak menyimpan duit baki tersebut.

Hanif: _____.

Aktiviti

Membina ayat tunggal dan ayat majmuk.

Nota Guru
5.3.2 (i), (ii)

- Bimbing murid menggunakan ayat majmuk daripada petikan dialog.

KB – Membuat inferens
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Rasional

Pengukuhan

(a) Kenal pasti kata majmuk dalam gambar.



(b) Bina ayat daripada lima kata majmuk yang dikenal pasti.

1. Jam dinding menunjukkan pukul 12:00 tengah hari.
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____

Penilaian

(a) Baca dan jelaskan label.

Pensel warna A _____, manakala pensel warna B _____.

Saya akan membeli pensel warna _____ kerana _____.



(b) Kenal pasti kesalahan penggunaan kata. Kemudian, betulkannya. Garisi kata berimbuhan awalan dan bina ayat.

Amalan berjimat cermat harus dipupuk mulai kecil lagi. Amalan ini bermaksud menggunakan apa-apa yang kita miliki untuk perkara yang perlu sahaja tanpa memboroskan wang. Amalan berjimat cermat banyak untungnya. Kita boleh menabung wang untuk objektif yang lebih penting.

Amalan berjimat cermat juga menjadikan seseorang itu berdisiplin baik. Misalnya, mereka akan sentiasa menutup suis barangan elektrik seperti kipas, penyejuk udara dan lampu selepas digunakan. Cara tersebut akan mengelakkan mereka membayar bil elektrik yang tinggi.

Penggunaan Kata yang Salah	Penggunaan Kata yang Betul
mulai	sejak

2.3.1 (i), 3.3.2 (ii), 5.2.1 (ii), (iii)

Bacaan Luas

Membentuk Diri Menjadi Usahawan

Membina Imej Anda
Sangat penting bagi seorang usahawan membina imej diri yang baik. Penampilan diri anda, cara anda menghormati pelanggan atau cara anda memberikan idea kepada pelanggan adalah penting.

Berkeyakinan
Anda harus yakin akan kebolehan diri sendiri semasa membuat jualan. Tidak semua usahawan mempunyai keyakinan diri. Tanganilah masalah tersebut dengan latihan berterusan sehingga lahir keyakinan diri.



Jujur
Jujur merupakan sifat yang mulia. Pastikan anda jujur kepada pelanggan, perniagaan anda, pesaing anda dan juga kepada diri anda sendiri semasa menjual.

Berilmu
Usahawan mesti mempunyai ilmu. Ketika menjual, dua kategori ilmu yang perlu ada, iaitu ilmu berkaitan dengan produk dan ilmu berkaitan dengan jualan.

Pengurusan Masa
Belajar mengurus masa anda dengan baiknya kerana kejayaan perniagaan bergantung pada cara anda mengurus masa anda.

Tepati janji
Sekiranya anda berjanji akan sesuatu kepada pelanggan, tepatilah janji anda. Jangan berjanji kalau anda bertujuan untuk memancing pelanggan.

(Sumber: Diubah suai daripada, http://www.insken.gov.my/dna-superstar-jualan/)